

Motivasi pelajar: Satu perspektif umum

UB 17.12.2011 B4

MINDA PENDIDIK
MUHAMAD SUHAIMI TAAT

Bersama:
Mohd Yusof Abdullah, Baharom
Mohamad, Shukri Zain, Abdul Said
Ambotang dan Roslee Talip



MOTIVASI merupakan sesuatu yang memberi tenaga, mengarah dan dapat mengekalkan tingkah laku seseorang, menyebabkan individu bergerak, mengarah mereka ke suatu arah tertentu dan membuatkan mereka terus bergerak. Seterusnya motivasi dan kebolehan kognitif didapati menjadi dua penentu utama bagi prestasi dalam pembelajaran dan kerja. Kebolehan kognitif pelajar merupakan hasil penilaian pelajar sendiri terhadap perlakuan akademiknya di sekolah. Motivasi pelajar juga merupakan satu pengaruh yang penting ke atas pembelajaran dan tingkah laku pelajar. Selain berpengaruh dalam mempertingkatkan pemprosesan kognitif, motivasi juga membawa kepada peningkatan pembelajaran dan seterusnya prestasi pelajar. Dari segi mempertingkatkan pemprosesan kognitif, motivasi mempengaruhi apa dan bagaimana maklumat diproses terutamanya secara kendiri. Pelajar yang berpencapaian tinggi adalah pelajar yang bermotivasi untuk belajar dan cemerlang dalam aktiviti bilik darjah.

Terdapat dua jenis motivasi yang telah dikaji secara meluas, iaitu motivasi intrinsik dan motivasi ekstrinsik. Namun ramai pengkaji memberi penekanan dan keutamaan kepada motivasi intrinsik. Motivasi intrinsik merupakan satu kecenderungan semula jadi dan elemen penting dalam perkembangan kognitif, sosial dan fizikal individu serta melalui seseorang itu berkembang dari aspek pengetahuan dan kemahiran. Mengikut teori motivasi intrinsik, manusia dilahirkan dengan kecenderungan untuk memperkembangkan kemahiran dan melibatkan diri dalam aktiviti pembelajaran. Pengukuhan luaran tidak diperlukan kerana pembelajaran itu sendiri bertindak sebagai pengukuhan. Menurut teori ini lagi, manusia secara semula jadi didehdakan untuk mencari peluang bagi memperkembangkan kompetensi, mencari pembaharuan (novelty), dan mempunyai keperluan semula jadi untuk melibatkan diri dalam aktiviti secara sukarela. Motivasi intrinsik juga berperanan sebagai satu bentuk kecenderungan untuk melakukan tugas kerana individu tersebut mendapat tugas tersebut menarik, mencabar, melibatkan dan memuaskan. Setiap individu berbeza dalam kecenderungan ini. Pelajar yang mempunyai motivasi intrinsik yang tinggi akan terus melakukan tugas yang diberikan kepada mereka tanpa dijanjikan ganjaran atau hukuman apabila menyelesaikan tugas tersebut. Bagi pelajar yang mempunyai motivasi

intrinsik yang rendah, mereka akan berhenti daripada melakukan tugas yang diberi jika tidak diberi ganjaran.

Seterusnya pelajar yang bermotivasi intrinsik tinggi secara proaktif akan meneroka persekitaran walaupun tanpa kehadiran incentif seperti pujian, gred atau hadiah. Penerokaan ini bertujuan mencari rangsangan yang menarik dan peluang untuk bertindak. Mereka juga memilih tugas mencabar, lebih berusaha dan menunjukkan ketekunan. Sebaliknya pula bagi pelajar yang bermotivasi rendah, mereka akan berhenti dan kekal pasif sehingga persekitaran menyediakan mereka dengan incentif. Pelajar yang bermotivasi tinggi juga mendapat pencapaian yang lebih baik secara konsisten daripada mereka yang bermotivasi rendah pada semua peringkat umur, tahap kebolehan dan dalam sekolah formal dan tidak formal. Apabila pelajar belajar dalam cara yang lebih bermakna, motivasi intrinsik bagi pembelajaran akan lebih berkembang jika dibandingkan apabila mereka hanya berfokus kepada ujian dan gred. Begitu juga apabila pelajar berminat dalam sesuatu topik pengajaran, mereka akan lebih berfikir tentangnya. Justeru itu, kognisi dan motivasi adalah saling berkait. Motivasi intrinsik juga didapati memudahkan kreativiti dan masih kekal menjadi konstruk penting yang menggambarkan kecenderungan semula jadi manusia untuk belajar dan mengasimilasikan. Walaupun motivasi intrinsik wujud di dalam individu, motivasi ini juga wujud dalam hubungan antara individu dan aktiviti. Menurut kebanyakan pakar psikologi, seseorang dimotivasikan secara intrinsik bagi sebahagian aktiviti dan tidak yang lain, dan tidak semua orang dimotivasikan secara intrinsik bagi sesuatu tugas tertentu.

Dalam konteks akademik, orientasi motivasi dalaman adalah satu tahap di mana pelajar melihat diri mereka untuk melibatkan diri dalam proses pembelajaran untuk sebab-sebab seperti cabaran, sifat ingin tahu dan untuk menguasai sesuatu bidang. Seorang yang secara dalamannya bermotivasi dalam bidang akademik menunjukkan bahawa penglibatan pelajar adalah merupakan kemahuannya sendiri. Sebaliknya orientasi motivasi luaran mencari pengiktirafan dan faktor luaran yang lebih bernilai. Antara kelebihan pelajar yang memiliki motivasi intrinsik ialah mereka berupaya membuat pembacaan dengan lebih mendalam, mendapat gred yang lebih baik, dan kelihatan lebih konsisten berbanding pelajar yang memiliki motivasi luaran.

Pelajar yang memiliki motivasi yang tinggi akan dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap pembelajarannya bukan sahaja sepanjang tempoh guru mengajar di dalam bilik darjah, malah akan dapat merancang pembelajarannya di luar bilik darjah sama ada dengan meminta bimbingan daripada guru, mencari

bahan-bahan rujukan tambahan, dan membuat perbincangan kumpulan.

Walaupun dibebani dengan pelbagai tugas lain di sekolah, dan rutin kerja dan tanggungjawab sebagai seorang anak di rumah, mereka sepatutnya akan dapat membahagikan masa untuk membaca buku-buku teks atau rujukan yang harus mereka baca dan melaksanakan latihan-latihan yang diarahkan untuk dibuat dan disempurnakan. Mereka juga akan menggunakan masa-masa terluang semasa berada di sekolah untuk bertemu dengan para guru bagi bertanyakan soalan atau berbincang berkaitan perkara-perkara yang boleh memperbaiki kelemahan mereka atau memantapkan lagi kualiti ilmu dan kemahiran pendidikan yang mereka ada. Berlainan pula dengan pelajar yang memiliki tahap motivasi yang rendah, mereka akan menunjukkan sikap 'seperti melepaskan batuk di tangga' terhadap latihan-latihan yang diberikan oleh guru. Malahan, mereka juga akan memberikan pelbagai sebab dan alasan kerana tidak dapat menyiapkan latihan atau 'kerja rumah' yang telah diberikan. Seterusnya akan membawa kepada sifat-sifat negatif seperti malas, menipu dan akan membawa kepada kes-kes disiplin yang lebih teruk seperti ponteng sekolah, membuli dan sebagainya. Pelajar yang rendah tahap motivasinya juga tidak akan mengambil peluang sepenuhnya ketika berada di sekolah untuk berjumpa dan berbincang dengan guru semasa waktu lapang bagi memperbaiki kelemahan dalam pelajaran mereka atau pun mencari jalan bagaimana untuk memantapkan lagi ilmu pengetahuan dan kemahiran dalam proses pengajaran.

Aspek motivasi ini amatlah penting untuk diberi penekanan dan fokus utama dalam pembentukan seorang pelajar kerana ia akan mempengaruhi sikap seseorang pelajar itu apabila sama ada ketika berada di dalam bilik darjah atau pun di luar bilik darjah. Keadaan tersebut akan memberikan impak yang besar terhadap kualiti pendidikan khususnya dalam proses pengajaran di bilik-bilik darjah. Dengan yang memiliki motivasi yang tinggi ini, maka baharulah negara akan dapat melahirkan pelajar-pelajar seperti mana yang disebutkan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Falsafah Pendidikan Kebangsaan menjelaskan bahawa pendidikan di Malaysia ialah satu usaha ke arah melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani dan juga berketerampilan dan seterusnya dapat memberi sumbangan kepada pembangunan dan kemakmuran negara. Oleh itu pelajar-pelajar yang dididik berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan sepatutnya akan memiliki sifat-sifat terpuji seperti takwa, ikhlas, benar dalam tingkah laku, profesional dan seterusnya menjadi insan yang berketerampilan, seimbang, dan berkeperibadian tinggi.